



### **PEMBERITAHUAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia, keutamaan Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

BIL	JAWATAN/GRED/ TARAF JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
1	PENOLONG AKAUNTAN GRED W29 - TETAP ( 1 KEKOSONGAN )	KEWANGAN	RM 1,498.00 - RM 5,678.00
2	PEMBANTU TADBIR ( PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 – TETAP ( 1 KEKOSONGAN )	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	RM 1,352.00 – RM 4,003.00
3	PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 – KONTRAK ( 1 KEKOSONGAN )	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	RM 1,205.00 – RM 2,939.00
4	PEMBANTU AWAM GRED H11 – KONTRAK ( 1 KEKOSONGAN )	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN	RM 1,218.00 – RM 2,939.00

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma melalui laman web [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) atau di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada hari Ahad hingga Rabu dari jam 08.00 pagi hingga 05.00 petang, dan hari Khamis dari jam 08.00 pagi hingga 03.30 petang dengan bayaran **RM1.00** setiap borang permohonan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 MAC 2019 ( KHAMIS )**

Iklan dan syarat-syarat kelulusan juga boleh didapati melalui laman web Majlis Daerah Tangkak



## MAJLIS DAERAH TANGKAK

Ruj Fail : MDT 1/9/43 JLD.VI ( 22 )

Pemberitahu adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

1. SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

2. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN

3. KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

4. TARAF JAWATAN : TETAP

5. JADUAL GAJI MINIMUM : RM 1,498.00  
JADUAL GAJI MAKSIMUM : RM 5,678.00

6. SYARAT LANTIKAN :

6.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
  - i. Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM 1,510.92 ); atau
  - ii. *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
( Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM 1,510.92 ); atau
  - iii. Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM 1,776.08 )
  - iv. *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM 2,001.68 )

**7. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**8. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 6.1 (c); atau  
ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan :
  - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun ; atau
  - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun ; atau
  - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**9. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.

**10. UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

**11. KEKOSONGAN / TARAF JAWATAN :                                   SATU (1) / TETAP**



## MAJLIS DAERAH TANGKAK

Ruj Fail : MDT 1/9/43 JLD.VI ( 23 )

Pemberitahu adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

- |  |   |
|--|---|
| <p><b>1. SKIM PERKHIDMATAN</b></p> <p><b>2. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b></p> <p><b>3. KUMPULAN PERKHIDMATAN</b></p> <p><b>4. TARAF JAWATAN</b></p> <p><b>5. JADUAL GAJI MINIMUM</b><br/><b>JADUAL GAJI MAKSIMUM</b></p> <p><b>6. SYARAT LANTIKAN</b></p> | <p><b>: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI ) GRED N19</b></p> <p><b>: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN</b></p> <p><b>: PELAKSANA</b></p> <p><b>: TETAP</b></p> <p><b>: RM 1,352.00</b><br/><b>: RM 4,003.00</b></p> <p><b>1.</b> Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p class="list-item-l1">(a) Warganegara Malaysia;</p> <p class="list-item-l1">(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</p> <p class="list-item-l1">(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau</p> <p class="list-item-l1">(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br/>(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau</p> <p class="list-item-l1">(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3</p> |
|--|---|

dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

- 7. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**8. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**9. TEMPOH PERCUBAAN**

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun

**10. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA / PEPERIKSAAN**

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berkenaan.

**11. KEKOSONGAN/TARAF JAWATAN:** **SATU ( 1 ) / TETAP**

**12. KEUTAMAAN :** Keutamaan diberi kepada calon **PEREMPUAN** sahaja



## MAJLIS DAERAH TANGKAK

Ruj Fail : MDT 1/9/43 JLD.VI ( 24 )

Pemberitahu adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dari semua kaum. Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

- |   |   |
|---|---|
| 1. <b>SKIM PERKHIDMATAN</b>             | : <b>PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11</b>   |
| 2. <b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN AWAM</b> | : <b>KESELAMATAN DAN PERTAHANAN</b>   |
| 3. <b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>         | : <b>PELAKSANA</b>  |
| 4. <b>TARAF JAWATAN</b>                 | : <b>KONTRAK</b>  |
| 5. <b>JADUAL GAJI MINIMUM</b>           | : <b>RM 1,205.00</b>  |
| <b>JADUAL GAJI MAKSIMUM</b>             | : <b>RM 2,939.00</b>  |
| 6. <b>SYARAT LANTIKAN</b>               | 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-<br><br>(c) Warganegara Malaysia;<br><br>(d) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br><br>(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau<br><br>(iv) Bekas anggota Polis atau Tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).<br><br>dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:- |

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita
- (iii) mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
- (v) lulus dalam ujian Penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar

**7. SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**8. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**9. PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan Perjawatan Kontrak berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**10. KEKOSONGAN/TARAF JAWATAN : SATU ( 1 ) / KONTRAK**



## MAJLIS DAERAH TANGKAK

Ruj Fail : MDT 1/9/43 JLD.VI ( 26 )

Pemberitahu adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 1. | <b>SKIM PERKHIDMATAN</b>  | : <b>PEMBANTU AWAM GRED H11</b>   |
| 2. | <b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>   | : <b>PERKHIDMATAN KEMAHIRAN</b>   |
| 3. | <b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>  | : <b>PELAKSANA</b>  |
| 4. | <b>TARAF JAWATAN</b>  | : <b>KONTRAK</b>  |
| 5. | <b>JADUAL GAJI MINIMUM</b><br><b>JADUAL GAJI MAKSIMUM</b>   | : <b>RM 1,218.00</b><br>: <b>RM 2,939.00</b>  |
| 6. | <b>SYARAT LANTIKAN</b>  | 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-<br><br>(a) Warganegara Malaysia;<br><br>(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br><br>(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00). |
| 7. | <b>SYARAT KELAYAKAN</b><br><b>BAHASA MELAYU</b>   | : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  |
| 8. | <b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>   |   |
|    | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan. |   |
| 9. | <b>KEKOSONGAN/TARAF JAWATAN :</b>   | <b>SATU ( 1 ) / KONTRAK</b>   |

**12. PERMOHONAN:**

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma melalui laman web [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) atau di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada hari Ahad hingga Rabu dari jam 08.00 pagi hingga 05.00 petang, dan hari Khamis dari jam 08.00 pagi hingga 03.30 petang dengan bayaran **RM1.00** setiap borang permohonan.
- (b) **Semua permohonan hendaklah disertakan:-**
- i) **Salinan sah Sijil-Sijil Persekolahan.**
  - ii) **Salinan sah Kad Pengenalan.**
  - iii) **Salinan sah Sijil Lahir.**
  - iv) **Sijil Berhenti Sekolah.**
  - v) **Gambar warna berukuran pasport.**
  - vi) **Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada :**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
84900, TANGKAK, JOHOR.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 MAC 2019**

- (c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan Bil. 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- (d) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (e) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
TANGKAK**

**EAS/MNAR/MFHJ/MRM/BPSM/2019**

